

Semua lebuhraya akan dikenakan tol

ALUR SETAR, Isnin — Kerajaan telah memutuskan untuk mengenakan tol di semua lebuhraya negara ini, kecuali Lebuhraya Timur-Barat.

Menteri Kerja Raya, Datuk S. Samy Vellu, berkata di sini hari ini kerajaan merasakan langkah itu amat perlu untuk menanggung perbelanjaan membina dan menjaganya yang amat tinggi.

Katanya, kerajaan bagaimanapun, belum bercadang mengenakan tol di Lebuhraya Timur-Barat kerana projek itu belum siap sepenuhnya.

Bellau memberitahu pemberita di sini ketika mengulas laporan yang menyatakan kos perjalanan dari satu negeri ke satu negeri akan menjadi lebih tinggi kerana rancangan kerajaan hendak mengenakan tol di semua lebuhraya.

Datuk Samy tidak menafikan kemungki-

nan tol akan dikenakan juga di Lebuhraya Timur-Barat di masa depan selepas lebuhraya Gerik-Butterworth-Kuala Kangsar dan Jeli-Kota Baharu siap sepenuhnya.

Menteri itu menerangkan kabinet telah menyetujui rancangan mengenakan tol di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak yang berharga \$162 juta, walaupun kadarnya belum diputuskan.

Dirikan bangunan

Mereka yang tidak mahu membayar tol, tambahannya, boleh menggunakan jalan raya lama Bentung-Kuala Lumpur melalui Gombak yang tetap akan dibuka.

Kementeriannya cuma kerajaan membaiki jalan itu secara kecilan kerana tidak ada rancangan untuk meluaskannya di masa depan.

Datuk Samy berkata, kerajaan akan meneruskan keputusannya itu walaupun ia telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membaiki jalan lama Seremban-Kajang-Kuala Lumpur berikutan pembukaan lebuhraya itu.

Tender untuk mendirikan bangunan

mengutip tol di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak telah dipanggil setelah reka bentuknya dibuat.

Ketika ini, tol dikenakan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Sungai Besi-Seremban, Slim River-Tanjung Malim dan Kuantan-Pekan.

Datuk Samy berkata, tol yang dikenakan di negara ini adalah yang paling rendah di dunia pada kadar tiga sen sebatu. Di Jepun, kadar yang dikenakan ialah 30 sen sebatu.

"Setiap tol yang akan dikenakan di masa depan akan mengambil kira perbelanjaan awal dan kos menjaganya," katanya.

Sementara itu, Lembaga Lebuhraya Malaysia akan menurap sebahagian jalan Alur-Setar-Gurun di Lebuhraya Utara-Selatan dengan konkrit sebagai satu percubaan.

Jurucakap Lembaga itu berkata hari ini, pihaknya mengambil keputusan demikian kerana keadaan tanah yang bersesuaian dan harga tender yang berpatutan.

Jalan yang diturap dengan konkrit didapati lebih murah dibandingkan dengan bitumen, tambahannya.

Jalan Alur-Setar-Gurun yang berharga \$209 juta adalah sebahagian dari Lebuhraya Utara-Selatan yang sedang dibina secara berperingkat-peringkat.